

03 JUL 2002

Umno-Cita-cita/I

PEMIMPIN UMNO PERLU KETEPIKAN CITA-CITA PERIBADI, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin eselon kedua dalam Umno perlu mengetepikan cita-cita politik peribadi dalam tempoh peralihan kuasa sekarang, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebaliknya, mereka sepatutnya bercita-cita untuk membangunkan lagi negara dan menngukuhkan lagi Umno, tunggak penting Barisan Nasional (BN), katanya.

Beliau berkata semua anggota Umno dan pemimpinnya perlu memberi perhatian kepada nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memulihara perpaduan parti dan memastikan keutuhan parti di semua peringkat.

Mengulas jaminan Dr Mahathir untuk memberikan sokongan penuh kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pada Oktober tahun depan, Muhyiddin berkata pemimpin-pemimpin eselon kedua dalam Umno perlu menerima nasihat Dr Mahathir.

Dr Mahathir hari ini kembali daripada percutian selama 10 hari di Itali.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir, pada sidang media yang disiarkan secara langsung di televisyen sekembalinya dari percutian itu, telah menyatakan dengan jelas bahawa beliau mahu melihat parti itu terus kukuh dan tidak berlaku sebarang persaingan atau pergaduhan.

"Beliau (Dr Mahathir) perlu menyatakan perkara itu kepada eselon tertinggi Umno kerana kita percaya di situ terletak kekuatannya," katanya.

Ditanya mengenai perebutan bagi jawatan timbalan presiden Umno sebaik sahaja Abdullah menjadi presiden Umno dan perdana menteri, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata beliau menyambut baik nasihat Dr Mahathir agar tiada sebarang perebutan kuasa semasa tempoh peralihan kuasa itu.

"Sebagai ahli Umno kita harus akur kepada kehendak Presiden supaya meletakkan kepentingan parti daripada kepentingan peribadi.

"Itu satu amanat cukup penting dalam Umno kerana kita mahu melihat keutuhan parti yang sudah ada terus kekal dan tidak akan ada pergolakan semasa proses peralihan atau selepas itu... yang penting ialah kita hendak teruskan agenda Umno," katanya.

"Jadi saya percaya seluruh rakyat Malaysia terima hasrat Dr Mahathir dengan hati terbuka dan ahli Umno perlu menerima baik nasihat presiden parti dan kita harus bekerjasama bersama-sama bagi membolehkan proses peralihan berjalan dengan teratur," jelasnya.

Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak pula yakin dalam tempoh peralihan kepimpinan itu tidak akan berlaku perebutan kuasa di kalangan anggota parti.

"Insya Allah, mudah-mudahan (tidak berlaku perebutan kuasa)," katanya.

Beliau berkata parti akan semakin kukuh sekiranya anggota Umno mementingkan perpaduan dan membuat keputusan secara bijak dan berhikmah.

Anggota Umno perlu sentiasa mengingati nasihat Dr Mahathir yang mahukan kepentingan parti lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan lain, katanya.

Tan Sri Muhammad Muhamad Taib yang juga Naib Presiden Umno pula berkata, anggota Umno tidak perlu bertindak menolak pemimpin manakala seseorang pemimpin itu pula perlu mengetahui tempoh yang sesuai untuk berundur seperti yang ditunjukkan Dr Mahathir.

Katanya, ketidakstabilan dalam parti akan berlaku setiap kali terdapat perebutan kuasa yang turut menjejaskan ekonomi dan negara.

"Saya fikir pesanan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir supaya tidak wujud perebutan kuasa merupakan satu nasihat yang perlu dipegang dan diikuti oleh pemimpin parti," katanya.

-- BERNAMA

DC RZS HS RHM